

26 Disember Hari Kesedaran Bencana Negara

PUTRAJAYA 26 Dis. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan bersetuju menjadikan 26 Disember sebagai Hari Kesedaran Bencana Negara bagi memperingati beberapa bencana alam besar yang melanda negara ini pada tarikh tersebut.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Ribut Greg di Sabah yang mengorbankan ratusan jiwa berlaku pada 26 Disember 1996 manakala tarikh yang sama tahun lalu menyaksikan tragedi bencana tsunami yang mengorbankan lebih 220,000 orang di beberapa negara termasuk Malaysia.

“Justifikasi yang diambil bagi menetapkan

tarikh 26 Disember sebagai Hari Kesedaran Bencana Negara kerana pada tarikh inilah telah berlaku beberapa bencana alam yang besar melanda negara dan beberapa negara lain yang tidak mungkin kita lupakan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Hari Kesedaran Bencana Negara di Hotel Marriot di sini malam ini.

Tujuan utama kerajaan melancarkan Hari Kesedaran Bencana Negara ialah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai persediaan dan persiapan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan

bukan kerajaan (NGO) mengenai pengurusan bencana.

Selain itu, ia turut bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya melengkapkan diri dalam menghadapi pelbagai bencana alam.

Dalam tragedi ombak besar tsunami 26 Disember tahun lalu, kawasan yang paling teruk ialah Aceh, Indonesia yang mengakibatkan korban melebihi 170,000 orang diikuti Sri Lanka (30,900 orang), India (16,000 orang), Thailand (5,800 orang) dan Malaysia (69 orang).

Najib yang juga Pengerusi Jawatankua-

sa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat (JPBBP) berkata, pelancaran tersebut juga bertujuan mencari pendekatan untuk mengurangkan jumlah korban di negara ini akibat bencana alam terutama tsunami dan gempa bumi.

“Walaupun kerajaan berjaya mengurus dan menangani berbagai bencana dengan cemerlang di samping menyiapkan sistem amaran awal yang canggih bagi menghadapi kemungkinannya, kita amat mengharapkan kesedaran di kalangan masyarakat supaya sentiasa bersedia dan proaktif dalam menghadapi apa jua bentuk bencana.